KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS TERHADAP PETIKAN AKHBAR UTUSAN BORNEO BERTAJUK "TUNAI JANJI NAIK TARAF JALAN BALAK" BERTARIKH 22 OKTOBER 2024

Untuk makluman, Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah KKDW sejak RMKe-10 lagi telah mula melaksanakan projek-projek naik taraf bekas jalan balak di Sarawak kepada piawaian jalan JKR, supaya selepas siap nanti dapat didaftarkan di bawah MARRIS bagi penyenggaraan berterusan.

Bermula RMKe-10 hingga ke tahun 2024, sebanyak 24 projek telah diluluskan dengan kos keseluruhan projek RM1.525 bilon melibatkan panjang bekas jalan balak berjumlah 545 km di pelbagai Bahagian di Sarawak termasuk di Baram.

Bagaimanapun, KKDW tidak mempunyai program khusus penyenggaraan jalan bekas balak kerana kos penyenggaraan ini melibatkan komitmen kewangan yang tinggi setiap tahun secara berterusan yang hanya boleh diluluskan oleh Agensi Pusat khususnya Kementerian Kewangan.

Kelulusan dan pelaksanaan projek naik taraf bekas jalan balak ini dibuat secara berfasa berdasarkan permohonan dan senarai keutamaan oleh Kerajaan Negeri Sarawak yang dikemukakan kepada KKDW pada setiap Rolling Plan.

Enam daripada 24 projek ini telah siap dilaksanakan manakala enam projek lagi sedang dalam pembinaan dan selebihnya dalam peringkat pra pembinaan.

Projek-projek naik taraf bekas jalan balak ini dilaksanakan sepenuhnya oleh

agensi pelaksana negeri iaitu JKR Sarawak dan peruntukan disalurkan sepenuhnya kepada JKR Sarawak bagi tujuan perbelanjaan projek mengikut keperluan.

Pengumuman yang dibuat oleh YAB Timbalan Perdana Menteri iaitu melibatkan projek naik taraf bekas jalan balak berjumlah RM331 juta adalah merujuk kepada projek-projek sedia ada yang telah diluluskan dan dalam pelaksanaan KKDW bersama JKR Sarawak iaitu Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Tegulang (Fasa 5) di Kapit, Sarawak, Projek Menaiktaraf Jalan Balak Ke Penempatan Semula Metalun (Fasa 6) di Kapit, Sarawak serta Naiktaraf Jalan-Jalan Balak Di Negeri Sarawak (Fasa 4) yang terdiri daripada tujuh (7) pakej naik taraf bekas jalan balak di pelbagai Bahagian di Sarawak.

Tambahan kepada projek-projek tersebut, YAB Timbalan Perdana Menteri turut berjaya mendapatkan kelulusan peruntukan khas secara one-off daripada Agensi Pusat pada tahun 2023 bagi membaik pulih jalan Jiwamurni berjumlah RM84.05 juta yang melibatkan 4 projek untuk manfaat penduduk di kawasan pedalaman pulang bercuti sempena perayaan Krismas.

Keempat-empat projek ini dilaksanakan di Lawas, Limbang dan Miri yang pada masa ini yang sedang dalam pembinaan.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah
30 Oktober 2024

LAMPIRAN

Tunai janji naik taraf jalan balak

TPM Ahmad Zahid digesa tunai janji naik taraf jalan balak di luar bandar Sarawak termasuk di Baram

Oleh Rosemaria Buma

MIRI: Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Telang Usan Dato Dennis Ngau menggesa Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi untuk menunaikan janjinya bagi menaik taraf jalan balak di kawasan luar bandar di seluruh Sarawak termasuk Baram.

Beliau membuat gesaan ini sebagai memberi maklum balas kepada pengumuman peruntukan tambahan dalam belanjawan tahun depan untuk pembangunan luar bandar yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim di Parlimen pada Jumaat lepas.

"Ini adalah untuk memastikan kawasan luar bandar di negeri ini terutama Baram dapat berkembang seiring dengan bahagian lain di Sarawak serta meningkatkan aksesibiliti dan kualiti hidup penduduk di sana," katanya kepada Utusan Borneo semalam.

Pada September tahun lalu, Ahmad Zahid yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah dalam ucapan penggulungan beliau di Dewan Rakyat mengumumkan bahawa lebih 500 kilometer jalan balak di Sarawak khususnya di kawasan luar bandar akan diselenggara dan dinaik taraf.

Selain itu, beliau turut mengumumkan peruntukan RM331 juta untuk menaik taraf dan menyelenggara jalan balak di luar bandar Sarawak dengan menyatakan bahawa kerja-kerja tersebut perlu dimulakan segera bagi memastikan penduduk luar bandar dapat pulang ke rumah panjang mereka sebelum Krismas tahun lalu.

Namun demikian menurut Dennis, sehingga kini janji beliau (Ahmad Zahid) untuk menaik taraf jalan tersebut masih belum ditunaikan.

"Penduduk Baram masih bergantung kepada jalan balak yang berbahaya dan sering tidak dapat dilalui akibat musim hujan.

"Justeru, saya menggesa Timbalan Perdana Menteri untuk melawat ke kawasan Baram dan melihat sendiri keadaan jalan raya bagi memastikan janjinya dipenuhi," katanya.

Mengenai Belanjawan 2025 yang baru dibentangkan, Dennis menyatakan kepuasan terhadap peningkatan peruntukan untuk pembangunan luar bandar.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah akan menerima RM11.9 bilion, peningkatan sebanyak RM457 juta berbanding belanjawan tahun lepas.

Sementara itu, Sabah dan Sarawak akan menerima peruntukan pembangunan masing-masing sebanyak RM6.7 bilion dan RM5.9 bilion.

"Namun, saya berharap sebahagian daripada peruntukan ini akan disalurkan kepada pembangunan kawasan luar bandar, terutama di Baram," ujarnya.



ROSAK TERUK: Dennis (kanan) bersama Setiausaha Politik Premier Dominic Ajang meninjau jambatan balak di Telang Usan yang runtuh baru-baru ini.

> "Ini adalah untuk memastikan kawasan luar bandar di negeri ini terutama Baram dapat berkembang seiring dengan bahagian lain di Sarawak serta meningkatkan aksesibiliti dan kualiti hidup penduduk di sana."
>
> **Dato Dennis Ngau**
> *ADUN Telang Usan*